**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NASIONAL**



## Nasional

# JKNJ nafi ada kes di Klinik Kesihatan Chaah

**Segamat:** Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan viral seorang pelajar lelaki berusia 20 tahun yang pulang bercuti dari China, terbabit kes coronavirus, COVID-19 di Klinik Kesihatan Chaah dekat sini.

JKNJ menerusi kenyataannya berkata, berita terbabit tidak benar dan meminta orang awam tidak menyebarkan bagi mengelak suasana panik dalam kalangan masyarakat.

Pengarahnya, Dr Aman Rabu, berkata penutupan sementara operasi klinik itu tiada kaitan dengan pelajar tempatan itu yang pulang bercuti di rumah keluarganya dekat Chaah, Segamat pada 9 Januari lalu.

"Pelajar itu sepatutnya pulang semula ke China pada 14 Februari lalu, namun menangguhkannya kerana mengalami demam.

"Dia ke klinik ini jam 11 pagi semalam, pemeriksaan mendapati tiada tanda simptom jangkitan CONVID-19. Dia diberikan ubat demam biasa dan dibenarkan pulang.

"Prosedur biasa dilakukan oleh kakitangan dengan membuat pembersihan dan penyemburan antikuman sebagai langkah berjaga-jaga, selain meletakkan tali rintangan plastik merah putih tanda penutupan sementara di luar lokasi bangunan.

"Penyemburan antikuman dilakukan kira-kira jam 12 tengah hari dan klinik beroperasi semula seperti biasa kira-kira jam dua petang semalam," katanya dalam kenyataannya, hari ini.

Kelmarin, viral dalam aplikasi WhatsApp kononnya ada kes COVID-19 di Klinik Kesihatan Chaah sehingga operasinya dihentikan selama beberapa jam.

*Penularan COVID-19*

# Keputusan negatif, lelaki tempatan dibenar pulang

## Kementerian Kesihatan sahkan tiada kes baharu dilapor semalam

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my



***Dr Dzulkefly (dua dari kiri) mengadakan perbincangan bersama** Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min (kiri) dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah mengenai perkembangan terbaru COVID-19 di Putrajaya, semalam.*

**Putrajaya:** Seorang lelaki tempatan yang menjadi mangsa pertama positif coronavirus COVID-19 di negara ini, sudah dibenarkan pulang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata lelaki berusia 41 tahun yang sebelum ini dirawat di Hospital Sungai Buloh (HSB), dibenarkan pulang selepas dua ujian ulangan dibuat terhadapnya, menunjukkan keputusan negatif.

"Pesakit berkenaan ialah kes kesembilan, warga Malaysia pertama disahkan positif COVID-19.

"Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan tiada kes baharu dilaporkan hari ini (semalam). Jumlah kumulatif kes COVID-19 dilaporkan kekal 22 kes, dengan hanya 13 masih dalam rawatan di wad," katanya.

Beliau memberitahu demikian menerusi kenyataan media selepas mengadakan telesidang bersama Menteri Kesihatan Kemboja, Prof Mam Bunheng, di kementeriannya, di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, telesidang selama 15 minit diadakan bagi memperkukuhkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam usaha menangani kejadian jangkitan COVID-19.

Menurutnya, komunikasi itu dijalankan melalui Institut Kesihatan dan Pemulihan (IHR) Focal Point Malaysia dan IHR Focal Point Kemboja.

Tambahnya, melalui perbincangan berkenaan beliau sudah memaklumkan bahawa pesakit warga Amerika Syarikat yang disahkan positif COVID-19 itu menunjukkan tahap kesihatan mangsa semakin baik.

"Saya turut memaklumkan bahawa ujian pengesahan COVID-19 ulangan dijalankan mengikut tatacara ditetapkan dan didapati pesakit berkenan masih positif.

"Saya dan Menteri Kesihatan Kemboja berharap keadaan kesihatan pesakit berkenaan bertambah baik. KKM akan terus bekerjasama rapat dengan semua negara terbabit dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam pengurusan kes COVID-19 serta penyelarasan maklumat bagi menjalankan aktiviti pengesanan kontak rapat.

"KKM ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta agensi berkaitan terbabit secara langsung atau tidak dalam menangani kejadian COVID-19. Kerjasama dan sokongan yang diberikan kepada pihak KKM amat dihargai," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, pihaknya akan terus memantau perkembangan jangkitan COVID-19 melalui maklumat daripada pihak WHO.

"Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, Kementerian Kesihatan akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan berterusan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17A
RUANGAN : LOKAL

# Ubat mati pucuk dalam Energy Candy

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan produk *Energy Candy* yang tular di laman sosial, baru-baru ini mengandungi racun berjadual tadalafil yang digunakan untuk pesakit mati pucuk.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, susulan penularan produk berkenaan di laman sosial, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) diarah menjalankan pemantauan.

Beliau berkata, hasil analisis makmal, produk *Energy Candy* yang dipercayai diimport disahkan mengandungi racun berjadual dan dilarang penggunaannya dalam makanan di bawah Akta Makanan 1983.

Menurutnya, antara produk lain terbabit adalah *ExtrAli Energy Candy, Extra Strong Energy Candy* dan *Mixed Fruit Candy*.

"Tadalafil sejenis ubat terkawal digunakan untuk merawat pesakit mati pucuk dan hanya boleh diberikan di bawah pemantauan ahli profesional kesihatan berdaftar.

"Penyalahgunaan racun berjadual tanpa pengawasan boleh menyebabkan komplikasi pengurangan atau kehilangan penglihatan serta pendengaran selain penurunan tekanan darah mendadak sehingga ke peringkat yang berbahaya terhadap sistem kardiovaskular seperti strok dan serangan jantung," katanya, semalam.

Beliau berkata, KKM sudah mengeluarkan larangan pengimportan dan memberi amaran kepada sesiapa yang masih menyimpan stok produk itu agar menghentikan pengedaran dan penjualan termasuk jualan atas talian.

Katanya, tindakan boleh dikenakan mengikut Seksyen 13, Akta Makanan 1983 yang jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

# Produk *Energy Candy* mengandungi bahan terlarang tadalafil

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan produk *Energy Candy* yang tular di media sosial mengandungi bahan terlarang racun berjadual tadalafil yang disenarai di bawah Akta Makanan 1983.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, produk itu melibatkan *ExtrAli Energy Candy, Extra Strong Energy Candy* dan *Mixed Fruit Candy.*

Menurutnya, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) telah menjalankan pemantauan ke atas produk berkenaan.

"Tadalafil adalah ubat terkawal yang digunakan untuk merawat pesakit yang mengalami masalah *erectile dysfunction* (mati pucuk)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, penyalahgunaan tadalafil tanpa pengawasan boleh menyebabkan komplikasi pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran, penurunan tekanan darah mendadak dan kesan terhadap sistem kardiovaskular seperti strok serta serangan jantung.

"Larangan pengimportan telah dikeluarkan serta-merta dan KKM beri amaran kepada mereka yang masih menyimpan stok produk ini supaya hentikan pengedaran dan penjualan termasuk jualan atas talian," katanya.




Salah satu produk *Energy Candy* yang mengandungi bahan terlarang racun berjadual tadalafil yang disenarai di bawah Akta Makanan 1983.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : ANCAMAN COVID-19 DI CHINA



ANCAMAN COVID-19 DI CHINA

# Rakyat Malaysia pertama sembuh

Lelaki tempatan berumur 41 tahun dibenarkan pulang dari Hospital Sungai Buloh semalam

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Rakyat Malaysia pertama yang didapati positif koronavirus (Covid-19) awal bulan lalu disahkan sembuh sepenuhnya dan dibenarkan pulang semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, mangsa berusia 41 tahun itu sebelum ini dirawat di Hospital Sungai Buloh.

"Kes tersebut adalah kes kesembilan melibatkan seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 41 tahun.

"Beliau juga merupakan warganegara Malaysia pertama yang disahkan positif jangkitan Covid-19," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, tiada kes baharu melibatkan wabak itu dilaporkan berlaku di Malaysia semalam.

"Jumlah kumulatif kes Covid-19 yang dilaporkan sehingga hari ini kekal sebanyak 22 kes di mana hanya 13 kes yang masih dirawat di wad," katanya.

Dalam kenyataan sama, Dzulkefly turut memaklumkan bahawa beliau telah mengadakan telesidang bersama Menteri Kesihatan Kemboja, H E Prof Mam Bunheng semalam.

Telesidang yang berlangsung selama 15 minit itu dibuat bagi memperkukuh kerjasama di antara kedua-dua negara dalam usaha menangani kejadian jangkitan Covid-19.

"Pada telesidang tersebut, saya telah maklumkan kepada beliau bahawa tahap kesihatan pesakit warganegara Amerika Syarikat yang merupakan seorang penumpang kapal persiaran, *MS Westerdam* yang berlabuh di negara itu semakin baik.

"Saya turut memaklumkan bahawa ujian pengesahan Covid-19 ulangan telah dijalankan mengikut tatacara yang telah ditetapkan dan didapati masih positif.

"Saya dan Menteri Kesihatan Kemboja berharap kesihatan pesakit berkenaan bertambah baik," ujarnya.

Katanya, KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan itu melalui maklumat yang diperoleh daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia.



DR DZULKEFLY

**AKHBAR** : SINAR HARIAN
**MUKA SURAT** : 34
**RUANGAN** : NEGERI/JOHOR

Sinar Harian NEGERI SELASA 18 FEBRUARI 2020 • SINAR HARIAN • JOHOR

# Tiada kes Covid-19 di SJKC Ko Kuang

## JKNJ nafi mesej yang tular di media sosial sejak Sabtu lalu

Oleh NOR AZURA MD AMIN

**JOHOR BAHRU**

**ANCAMAN COVID-19 DI CHINA**

Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan mengenai terdapat kes koronavirus (Covid-19) di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ko Kuang, Skudai seperti yang tular di media sosial.

JKNJ melalui kenyataan di Facebook rasminya memberitahu, berita terbabit sama sekali tidak benar dan mengingatkan orang awam tidak menyebarkannya kerana dibimbangi akan menimbulkan situasi panik.

"Harus diingatkan penyebaran berita palsu sebegini boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 yang memperuntukkan denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi tempoh satu tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas persabitan," katanya.




JKNJ nafi wujud kes Covid -19 di SJKC Ko Kuang, Skudai sebagaimana yang tular di media sosial.

Sejak Sabtu lalu, tular kenyataan berhubung kes Covid-19 di SJKC Ko Kuang, Skudai yang didakwa dikeluarkan oleh Ahli Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY




*People wearing face masks at the Sungai Buloh Hospital in Sungai Buloh recently.* FILE PIC

CLEAN BILL OF HEALTH

# FIRST MALAYSIAN COVID-19 PATIENT CURED

## 49-year-old man discharged from Sg Buloh Hospital, says Dzulkefly

ADIB POVERA
**KUALA LUMPUR**
adibpovera@nst.com.my

THE ninth Covid-19 case in the country, also the first Malaysian who tested positive for infection, has been cured.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the 49-year-old man had fully recovered and was discharged from the Sungai Buloh Hospital yesterday.

The man is the first, of the six Malaysians who tested positive of Covid-19, who has recovered from the infection.

"The nine patients discharged were required to undergo further tests for Covid-19 and results from the two consecutive tests showed that they are free from infection.

"Subsequently, they were issued a clean bill of health," said Dr Dzulkefly in a statement yesterday.

He also said there were no new Covid-19 cases reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) up to yesterday.

"Up to Feb 17, the total number of Patient-Under-Investigation (PUI) is 557 cases, with 316 close contacts identified," he said.

On a related matter, Dr Dzulkefly said Malaysia would work closely with all countries and the World Health Organisation (WHO) in the management of Covid-19 infection, which would include coordinating information to facilitate contact tracing activities.

He said Malaysia and Cambodia also expressed their commitment to strengthen collaboration in combating the spread of the infection, which was addressed during a teleconference between him and Cambodian Health Minister Mam Bunheng yesterday.

During the teleconference, Dr Dzukefly said he informed his Cambodian counterpart of the progress of the American woman who showed symptoms of Covid-19 infection when she arrived in Malaysia from Cambodia and subsequently tested positive for the virus.

"I have also informed him that the patient underwent repeated Covid-19 tests and that the results showed that she was positive (of the infection)."

It was reported that the woman, 83, together with her husband, 85, and 143 others, flew into the country from Cambodia on a chartered Malaysia Airlines Flight MH8763 on Feb 14.

Thermal scanners at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) detected the woman and her husband displaying symptoms associated with the infection. Further tests on the couple showed that the woman was positive for Covid-19 and she was treated at the Sungai Buloh Hospital near here.

Her husband, meanwhile, tested negative for the virus. He is receiving treatment for bacterial infection.

The couple, together with the 143 passengers on board MH8763, were among 2,257 passengers and crew members of a cruise ship operated by Holland America Inc.

The cruise ship docked in Cambodia on Feb 13 after two weeks, being turned away by Japan, Taiwan, Guam, the Philippines and Thailand.

On the case involving the American woman, which is the 22nd confirmed Covid-19 case in Malaysia, Dr Dzulkefly said communications with the National IHR (International Health Regulations) Focal Point had been established since Feb 14.

"The Malaysian IHR Focal Point had communicated with the Cambodia IHR Focal Point since Feb 14, even before the positive case was confirmed," he said.

He added that the ministry would continue monitoring developments related to Covid-19 infections through information and updates provided by WHO.

According to the European Centre for Disease Prevention and Control, 71,333 cases of Covid-19 have been reported across most continents. Out of this, 70,551 were reported in China, with the United States and Canada having 15 and 8 cases each respectively.

The virus has killed more than 1,775 people. Out of this, 1,770 were in China, and one each in Hong Kong, Taiwan, the Philippines, Japan and France.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# No proof warmer climate can kill virus: Virologist

BY **ALISHA NUR MOHD NOOR**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** While it has been said that the Covid-19 outbreak may abate when warmer climate hits the northern hemisphere, virologist Prof Datuk Dr Lam Sai Kit calls it a "good working hypothesis".

The academician, from Universiti Malaya, pointed out that there is no evidence the virus could be killed by the warmer weather in March.

"This inference is based on the effect warmer weather has on other known coronaviruses," he told *theSun*.

Lam said there are similarities shown by Covid-19 and the severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) virus.

"Like SARS, Covid-19 can spread efficiently when an infected person sneezes or coughs."

"The virus can be transmitted when someone touches a surface contaminated with an infected person's droplets."

He said SARS researchers found that human pathogens from this virus family can persist on surfaces and remain infectious at room temperature for up to nine days.

In contrast, Lam said the measles virus can only live on contaminated surfaces for up to two hours.

"Generally, it is believed that veterinary and human coronavirus can survive between four and five days on various materials like wood, paper, plastic, glass and aluminium," Lam said.

On Sunday, Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said there is hope that the coronavirus will recede as warmer weather arrives. The hot season will start on March 1 in the northern hemisphere.

Lee said scientific evidence showed that heat kills the coronavirus.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

THE STAR, TUESDAY 18 FEBRUARY 2020

# First M'sian patient recovers

## Dzulkefly: Govt to work closely with other nations in managing outbrea

**PUTRAJAYA:** The first confirmed Malaysian Covid-19 patient has recovered and has been discharged.

The 41-year-old from Selangor tested positive for the virus on Feb 3 and had been treated at the Sungai Buloh Hospital where he was put at an isolation ward.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said his recovery means that in Malaysia, a total of nine Covid-19 patients have recovered and were discharged.

"They underwent repeated Covid-19 tests, and found to be negative on two consecutive tests," said Dzulkefly in a statement here.

The man had no recent travel history to China. However, he had travelled to Singapore on a business trip from Jan 16 to Jan 23.

During the trip, he attended meetings which involved delegates who came from Wuhan in China,




the epicentre of the outbreak.

On Jan 29, the man went to a private clinic in Selangor where he sought treatment for fever and cough.

He was then referred to the Sungai Buloh Hospital on Feb 2, and the following day, he tested positive for Covid-19.

Meanwhile, the man's 40-year-old sister and 65-year-old mother-in-law, who contracted the coronavirus from him over Chinese New Year, are in stable condition. The sister is currently in isolation at Hospital Sultanah Bahiyah in Kedah while the mother-in-law is treated at the Sungai Buloh Hospital.

Dzulkefly also said that there were no new Covid-19 cases in Malaysia, keeping the tally at 22 cases, with 13 still receiving treatment in hospitals.

Earlier Monday, Dzulkefly had a 15-minute telephone call with Cambodian Health Minister Mam Bunheng on the status of the American woman who tested positive for Covid-19 after arriving in Malaysia from Cambodia.

"I informed His Excellency regarding the improving health status of the US national patient. I have also informed that the patient underwent Covid-19 tests, and she was still found to be positive. We hope the health of the patient will continue to improve.

"Our ministry will work clo with all countries involved with the World Health Organiza in the management of Covi infection as well as coordina information in implementing c contact tracing activities," he sa

The 83-year-old Ameri woman was a passenger of *MS* *terdam*, a cruise ship which docked at Sihanoukville in Can dia.

She arrived at KLIA on a Mala Airlines flight, which was charte by the cruise ship company to b several of its passengers fi Cambodia to various destinatio

Upon arrival, the woman and husband were found to be sym matic and were then referred to Sungai Buloh Hospital.

Her 85-year-old husband te negative but remains in isolatio the hospital to be monitored.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

# Facebook user sought for spreading fake news

**MELAKA:** The state police are looking for a Facebook user with the moniker "Shahnol Sundara" for circulating fake news on Covid-19.

State deputy police chief Senior Asst Comm Datuk Shahrul Lalli Masduki said Shahnol Sundara made the posting on Feb 5.

He said the account holder uploaded a video claiming that crew members on merchant ship from Wuhan were seen disembarking at Kuala Linggi port in Alor Gajah.

In the posting, the account holder also alleged that the state Health Department had erased the record of the ship's crew members after they entered the country.

This prompted Melaka Health Department director Dr Ismail Ali to lodge a police report on Feb 6.

Speaking to newsmen after jointly launching the Jom ke Sekolah programme with Melaka Education director Dr Mohamad Azam Ahmad at SMK Gajah Berang here yesterday, SAC Shahrul Lalli said the investigation was ongoing.

"We have not summoned any individual for questioning yet. We hope to detain the culprit soon with the help of the Malaysian Communications and Multimedia Commission," he said.